

Bahasa dakwah efektif

ABSTRAK

Bahasa merupakan alat perhubungan dan komunikasi, serta cara menyatakan perasaan, pendapat dan pemikiran. Bagi pendakwah, bahasa digunakan sebagai penghubung dakwah mereka kepada golongan sasaran dakwah. Kajian ini berkepentingan menilai bentuk bahasa dakwah yang sesuai yang diamalkan oleh pendakwah di Sabah, berikutan wujud dalam kalangan pendakwah yang keliru bentuk bahasa dakwah yang efektif dalam aktiviti dakwah mereka, serta dengan perubahan zaman yang mencabar, mendukung para pendakwah mengkaji dan meneliti bahasa dakwah efektif sesuai dengan peredaran semasa. Metodologi kajian ialah kajian kualitatif tinjauan perpustakaan dan temu bual dengan pendakwah-pendakwah di Sabah. Dapatkan kajian mendapati bahawa wujud di dalam al-Quran dan as-Sunah panduan bahasa dakwah efektif, dan sangat penting bagi pendakwah mengetahui dan memahami konteks bahasa dakwah semasa. Pengkaji menyimpulkan, pemilihan bahasa dakwah efektif adalah kebijaksanaan pendakwah dalam memilih antara literal dan figuratif, peka konteks semasa dan sensitiviti, dan menepati psikologi dan tahap pemikiran golongan sasaran dakwah.